

## CIMB PETRONAS PLATINUM-I CREDIT CARD TERMS AND CONDITIONS

These new Terms and Conditions relating to Rebates and Benefits available under the CIMB PETRONAS Platinum-i Credit Card dated 1 December 2018 ("New Terms and Conditions") shall replace and supersede the existing Terms and Conditions relating to Rebates and Benefits available under the CIMB PETRONAS Platinum-i Credit Card.

### TERMS AND CONDITIONS RELATING TO REBATES AND BENEFITS AVAILABLE UNDER THE CIMB PETRONAS PLATINUM-I CREDIT CARD

1. The Benefits (hereinafter defined) available under the CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) ("CIMB") "CIMB PETRONAS Platinum-i Credit Card" ("Co-Brand Card") shall be subject to the terms and conditions hereinafter set out and read in conjunction with the CIMB Islamic Cardholder Terms and Conditions ("CIMB Islamic Terms and Conditions"). Words in these terms and conditions used if not specifically defined shall have the same meaning as defined in the CIMB Islamic Terms and Conditions. In the event of any discrepancy or inconsistency between the terms and conditions herein and those contained in the CIMB Islamic Terms and Conditions, these terms and conditions governing the Benefits shall prevail in so far as they apply to the Co-Brand Card.
2. The Benefits are only available to principal and/or supplementary cardholders of the Co-Brand Card ("Cardholder(s)") whose accounts are current, valid, subsisting and who are not in default of any of the terms of the CIMB Islamic Terms and Conditions.
3. Cardholders who use the Co-Brand Card will be entitled to the following benefits ("Benefits"):-

Conditions	
PETRONAS service stations ("PETRONAS")	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 7% cash rebate on transactions charged at PETRONAS provided Statement Balance* is of Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000) and above; and</li> <li>• 3% cash rebate on transactions charged at PETRONAS provided Statement Balance* is below Ringgit Malaysia Three Thousand (RM3,000).</li> <li>• The total cash rebate which a Cardholder can earn for transactions charged at PETRONAS is capped at a total of Ringgit Malaysia Fifty (RM50) per Cardholder and per monthly statement inclusive of any tactical campaigns that give out cash rebate thereafter.</li> </ul>
Cash rebate on other retail transactions	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 0.2% unlimited cash rebate on other retail transactions excluding the transactions set forth in Clause 5 below.</li> </ul>

\* Statement Balance includes any outstanding balances which are carried forward from the previous month's statement and new transactions made on the current month's statement. Any payments made prior to the current month's statement date will be taken into account for calculation of the current month's Statement Balance.

4. For transactions to qualify for cash rebate, transactions must be posted to the Cardholder's account on or before the statement date. The cash rebate earned by the Cardholder for each current month will be calculated (rounded down to the nearest Malaysian Ringgit) up until the statement date in respect of the said current month and will be posted to the Cardholder's Co-Brand Card account in the next month's statement date under their respective cash rebate categories. The cash rebate earned shall be applied firstly towards settlement of the Payable Facility Charges accrued on the Co-Brand Card (if any) . In the event the cash rebate earned is more than the Payable Facility Charges accrued on the Co-Brand Card , the remaining cash rebate earned shall be utilized towards payment for all Retail Transactions made. CIMB may however vary the date and the frequency of the crediting of the cash rebates at its sole and absolute discretion. If any transactions are disputed or alleged to be fraudulent, the cash rebates earned on such transactions may be reversed or cancelled by CIMB at its sole and absolute discretion.
5. The following transactions are herein expressly excluded and no cash rebates will be granted in respect of them:-
  - a) Petrol transactions for other brands other than PETRONAS;
  - b) Balance Transfer, CashLite and Cash Advance transactions;
  - c) Quasi Cash transactions - (example: betting and/or gaming transactions);
  - d) Late payment charges, reversals, fraudulent retail transactions and other fees and charges;
  - e) Instalment Payment Plan (the IPP) transactions;
  - f) Lump sum repayment of the original transaction amount which the Cardholder has previously elected to make repayment of such original transaction by monthly installments under any installment payment facility provided by CIMB or other banks where CIMB elects to grant the Cardholder the cash rebates on the original transaction;
  - g) Payments to charity under designated Merchant Category Code (MCC) 8398 - Charitable and social service organisations;
  - h) Any government related payments under designated MCC below:-

<b>9211</b>	Court costs, including alimony and child support
<b>9222</b>	Fines
<b>9223</b>	Bail and bond payments
<b>9311</b>	Tax payments
<b>9399</b>	Government services
<b>9402</b>	Postal services - Government only
<b>9405</b>	Intra - government purchases - Government only

;and

i) Recurring payments transactions

Any determination by CIMB as to whether a transaction(s) fall(s) within clause 5(a) to (i) and are excluded from the entitlement to cash rebates shall be final and conclusive and shall not be challenged in any manner whatsoever.

6. If any transaction on the Co-Brand Card is being reversed due to any reasons whatsoever including but not limited to any transaction that is disputed or alleged to be fraudulent, the reversal will result in the cash rebates being reversed. The percentage of cash rebates that is subject to reversal will be based on the current month's cash rebate tier.

Illustration 1 of cash rebate reversal:

Month	Transaction	Transaction Amount (RM)	Current Month Cash Rebate	Cash Rebate Earned (RM)	Rebate Reversal (RM)
Nov	Transactions charged at Petronas	100	7%	7.00	-
Dec	Reversal of transactions charged at Petronas	(100)	3%	-	(3.00)

Illustration 2 of cash rebate reversal:

Month	Transaction	Transaction Amount (RM)	Current Month Cash Rebate	Cash Rebate Earned (RM)	Rebate Reversal (RM)
Nov	Transactions charged at Petronas	100	3%	3.00	-
Dec	Reversal of transactions charged at Petronas	(50)	7%	-	(3.50)

7. CIMB hereby disclaims all warranties (implied or express) of all items purchased by the Cardholder from PETRONAS and other merchants.
8. All cash rebates awarded to the Cardholders are in lieu of bonus points and/or any other reward usually associated with CIMB's other credit cards. Unless otherwise expressly stated, where a Cardholder is granted cash rebates, that Cardholder shall not be entitled to bonus points and/or any other rewards usually associated with CIMB's other credit cards.
9. The cash rebates earned by the Cardholder for each current month will not be posted to the Cardholder's Co - Brand Card account in the next month's statement date in the event the Cardholder fails to make the minimum payment due by the Due Date as stated in the Cardholder's current month's statement.
10. CIMB reserves the rights upon giving 21 calendar days' prior notice to vary (whether by addition, deletion, modification, amendment, or otherwise howsoever) ("the Amendment") any of the terms and conditions herein. Notification to Cardholders in respect of the Amendment shall be effected at CIMB's absolute discretion through any one of the following means of communication, namely, by ordinary mail to the Cardholder's last known address or by posting a notice regarding the Amendment at each of CIMB's branches or by effecting an advertisement regarding the Amendment in one newspaper of CIMB's choice, or via CIMB's website and the Amendment shall be deemed as binding on the Cardholders as from the date of notification of the Amendment or from such date as may be specified by CIMB in the notification.
11. These terms and conditions shall prevail over any inconsistent terms or representations contained in any other promotional materials advertising the Benefits. For further enquiries, kindly contact the CIMB Call Centre at +603 6204 7788.
12. CIMB reserves the right to suspend, cancel, terminate or withdraw the Benefits in whole or part, by giving the Cardholders 14 calendar days' prior notice. For the avoidance of doubt, suspension, cancellation, termination or withdrawal of the Benefits shall not entitle any of the Cardholder to any claim or compensation against CIMB for any losses or damages suffered by the Cardholders as a direct or indirect result of the act of suspension, cancellation or termination.
13. If there is any inconsistency(ies), conflict(s), ambiguity(ies) or discrepancy(ies) between the Bahasa Malaysia and English version or other language version of these terms and conditions herein, the English version of these terms and conditions shall prevail.



Notwithstanding the aforementioned where request had been made by the Cardholder and noted and acknowledged by CIMB in its records that the Bahasa Malaysia version of the terms and conditions shall govern the operation of the Co-Brand Card, then the Bahasa Malaysia version of the terms and conditions herein shall prevail.

14. For feedback and/or complaints relating to the Benefits, Cardholders may contact CIMB's Customer Resolution Unit at the following address and telephone number (or such other address and telephone number which CIMB may change by notification to the Cardholders):

Customer Resolution Unit (CRU),  
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur,  
50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia.  
Tel: +603 - 6204 7788

## TERMA – TERMA DAN SYARAT – SYARAT KAD KREDIT CIMB PETRONAS PLATINUM-I

Terma-terma dan Syarat-syarat baru berkenaan Rebat dan Faedah yang disediakan di bawah Kad Kredit CIMB PETRONAS Platinum-i bertarikh 1 Disember 2018 (“Terma-terma dan Syarat-syarat Baru”) akan menggantikan dan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat berkenaan Rebat dan Faedah yang disediakan di bawah Kad Kredit CIMB PETRONAS Platinum-i yang semasa.

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BERKENAAN REBAT DAN FAEDAH YANG DISEDIKAN DI BAWAH KAD KREDIT CIMB PETRONAS PLATINUM-I

1. Faedah (selepas ini ditakrif) di bawah CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (“CIMB”) “Kad Kredit CIMB PETRONAS Platinum-i” (“Kad Dwi-Jenama”) adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di sini dan dibaca bersama-sama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic (“Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Islamic”). Perkataan-perkataan yang digunakan di dalam terma-terma dan syarat-syarat di sini sekiranya tidak ditakrif secara spesifik akan mempunyai makna-makna sepertimana yang ditakrif di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Islamic. Sekiranya berlaku mana-mana perselisihan atau ketidaksejajaran di antara terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di sini dan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Islamic, terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di sini yang mengawal Faedah akan diguna pakai setakat mana terma-terma dan syarat-syarat digunapakai terhadap Kad Dwi-Jenama.
2. Faedah tersebut hanya diberikan kepada pemegang-pemegang kad utama dan/atau pemegang-pemegang kad tambahan Kad Dwi-Jenama (“Pemegang Kad”) yang mempunyai akaun-akaun yang semasa, sah, hidup dan yang mana tiada dalam ingkar terhadap apa-apa terma di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Islamic.
3. Pemegang Kad yang menggunakan Kad Dwi-Jenama layak kepada faedah-faedah berikut (“Faedah tersebut”):-

Syarat-syarat	
Stesen service PETRONAS (“PETRONAS”)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rebat tunai sebanyak 7% untuk transaksi yang dilakukan di PETRONAS dengan syarat Penyata Tunggakan* Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) dan ke atas; dan</li> <li>• Rebat tunai sebanyak 3% untuk transaksi yang dilakukan di PETRONAS dengan syarat Penyata Tunggakan* di bawah Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000).</li> <li>• Jumlah rebat tunai yang boleh didapati oleh seorang Pemegang Kad untuk transaksi-transaksi yang dicajkan di PETRONAS dihadkan pada jumlah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)/Pemegang Kad/penyata bulanan termasuk sebarang kempen taktikal yang memberikan rebat tunai selepas ini.</li> </ul>
Rebat tunai untuk transaksi-transaksi runcit lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 0.2% rebat tunai tanpa had untuk transaksi-transaksi runcit lain tetapi tidak termasuk jenis-jenis transaksi yang dinyatakan di dalam Klausula 5 di bawah.</li> </ul>

\*Penyata Tunggakan termasuk sebarang baki tertunggak yang dibawa ke hadapan dari penyata bulanan yang sebelumnya dan transaksi-transaksi baru yang dibuat atas penyata bulanan yang terkini. Sebarang bayaran yang dibuat sebelum tarikh penyata untuk bulanan yang terkini akan diambil kira untuk pengiraan Penyata Tunggakan bulan terkini.

4. Untuk layak mendapat rebat tunai, transaksi-transaksi yang dilakukan harus diposkan kepada akaun Pemegang Kad pada atau sebelum tarikh penyata kad tersebut. Rebat tunai yang diperolehi oleh Pemegang Kad untuk setiap bulan semasa akan dikira (dibundarkan ke bawah kepada Ringgit Malaysia yang terdekat) sehingga tarikh penyata untuk bulan semasa tersebut dan akan diposkan kepada akaun Pemegang Kad di dalam tarikh penyata bulanan yang berikutnya di bawah kategori rebat tunai masing-masing. Rebat tunai yang diperolehi akan digunakan untuk membayar Caj Kemudahan Perlu Bayar belum jelas atas akaun Pemegang Kad (jika ada). Sekiranya rebat tunai yang diperolehi melebihi Caj Kemudahan Perlu Bayar yang belum jelas, baki rebat tunai yang diperolehi hendaklah terpakai ke atas pembayaran bagi Transaksi Urusniaga yang dilakukan. CIMB boleh menukar tarikh dan kekerapan pengkreditan rebat tunai pada budi bicaranya yang tunggal dan mutlak. Sekiranya transaksi-transaksi dipertikaikan atau dikatakan palsu, rebat tunai yang diperolehi untuk transaksi-transaksi seperti ini mungkin dibalikkan atau dibatalkan oleh CIMB atas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak.
5. Transaksi-transaksi seperti berikut secara nyata dikecualikan dan tiada rebat tunai akan diberi:-
  - a) Transaksi untuk petrol jenama selain PETRONAS;
  - b) Pindahan Baki, CashLite dan transaksi-transaksi Pendahuluan Tunai;
  - c) Transaksi-transaksi Tunai Separa (Quasi) - (sebagai contoh: transaksi-transaksi judi dan/atau perjudian);
  - d) Caj-caj bayaran lewat, berbalik, transaksi-transaksi palsu dan fi-fi dan caj-caj lain;
  - e) Pelan Pembayaran Ansuran;

- f) Pembayaran balik sekaligus jumlah asal transaksi-transaksi di mana Pemegang Kad telah dahulunya memilih untuk membuat bayaran transaksi tersebut secara ansuran bulanan di bawah apa-apa kemudahan bayaran ansuran yang telah diberikan oleh CIMB atau mana-mana institusi kewangan lain di mana CIMB memilih untuk memberi rebat tunai kepada Pemegang Kad untuk transaksi asal;
- g) Pembayaran kepada badan amal di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC) 8398 - Perbadanan amal dan organisasi perkhidmatan sosial;
- h) Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan di bawah:-

<b>9211</b>	Kos mahkamah, termasuk nafkah cerai dan nafkah anak
<b>9222</b>	Denda
<b>9223</b>	Ikut jamin dan pembayaran bon
<b>9311</b>	Pembayaran cukai
<b>9399</b>	Perkhidmatan Kerajaan
<b>9402</b>	Perkhidmatan pos - Kerajaan sahaja
<b>9405</b>	Pembelian antara kerajaan - Kerajaan sahaja

;dan

- i) Transaksi pembayaran berulang;

Sebarang keputusan oleh CIMB sama ada sesuatu transaksi terjatuh dalam klausa 5(a) hingga (i) dan dikecualikan daripada hak mendapat rebat tunai adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar dalam apa jua cara.

6. Sekiranya apa-apa transaksi Kad Dwi – Jenama telah dibalikkan atas apa – apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang telah dipertikaikan atau didakwa sebagai penipuan, pembalikan akan menyebabkan rebat tunai dibalikkan. Peratusan rebat tunai yang tertakluk kepada pembalikan akan didasarkan kepada tahap rebat tunai bulan semasa.

Ilustrasi 1 Pembalikan rebat tunai:

Bulan	Transaksi	Jumlah (RM)	Rebat Tunai Bulan Semasa (RM)	Jumlah Rebat Tunai Terkumpul (RM)	Jumlah Pembalikan Rebat Tunai (RM)
Nov	Transaksi yang dikenakan di Petronas	100	7%	7.00	-
Dec	Pembalikan transaksi yang dikenakan di Petronas	(100)	3%	-	(3.00)

Ilustrasi 2 Pembalikan rebat tunai:

Bulan	Transaksi	Jumlah (RM)	Rebat Tunai Bulan Semasa (RM)	Jumlah Rebat Tunai Terkumpul (RM)	Jumlah Pembalikan Rebat Tunai (RM)
Nov	Transaksi yang dikenakan di Petronas	100	3%	3.00	-
Dec	Pembalikan transaksi yang dikenakan di Petronas	(50)	7%	-	(3.50)

7. CIMB menyangkal semua waranti (tersirat atau khusus dinyatakan) untuk barangan dibeli oleh Pemegang Kad dari PETRONAS dan mana-mana pembekal.
8. Semua rebat tunai yang diberikan kepada Pemegang Kad adalah sebagai ganti kepada mata-mata bonus dan/atau ganjaran-ganjaran lain yang biasanya dikaitkan dengan kad-kad kredit CIMB yang lain. Melainkan sebaliknya khusus dinyatakan, di mana seorang Pemegang Kad telah diberi ganjaran rebat tunai, Pemegang Kad tersebut tidak berhak kepada mata-mata bonus dan/atau apa-apa ganjaran lain yang biasanya dikaitkan dengan kad-kad kredit CIMB yang lain.
9. Rebate tunai yang diperolehi oleh Pemegang Kad untuk bulan semasa tidak akan diposkan ke kad akaun Pemegang Kad dalam penyata bulanan berikutnya sekiranya Pemegang Kad gagal untuk membuat pembayaran minimum yang kena dibayar pada Tarikh Matang pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam penyata bulanan semasa Pemegang Kad.
10. CIMB menyimpan hak sama ada untuk menambah, menggugurkan, mengubah suai, meminda atau sebaliknya bagaimana sekalipun (“Pindaan”) sebarang terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberi notis 21 hari kalendar terdahulu. Notifikasi kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan oleh CIMB adalah mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana cara komunikasi berikut, khususnya, dengan menghantar notis tersebut melalui pos biasa ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui atau dengan mempamerkan notis Pindaan di setiap premis CIMB atau pejabat cawangannya atau dengan mengiklankan Pindaan di satu surat khabar pilihan CIMB

atau melalui laman web CIMB dan Pindaan sedemikian akan terpakai pada tarikh notifikasi Pindaan tersebut atau pada tarikh-tarikh lain sepertimana yang dinyatakan secara khusus oleh CIMB di dalam notifikasi tersebut.

11. Terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi sebarang terma atau representasi yang tidak sejajar yang terkandung di dalam bahan-bahan promosi yang mengiklankan Faedah tersebut. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Perkhidmatan CIMB Bank di talian +603 6204 7788.
12. CIMB menyimpan hak untuk menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Faedah tersebut dalam keseluruhan atau sebahagiannya dengan memberi notis 14 hari kalendar terdahulu kepada Pemegang Kad. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, penggantungan, pembatalan penamatan atau penarikan balik Faedah tersebut tidak memberihak Pemegang Kad kepada sebarang pampasan atau gantirugi terhadap CIMB untuk sebarang kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad disebabkan secara langsung ataupun secara tidak langsung oleh penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik.
13. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris atau versi bahasa-bahasa lain terma-terma dan syarat-syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan dibuat oleh Pemegang Kad dan dicatatkan dan diakui oleh CIMB dalam rekod-rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia untuk terma-terma dan syarat-syarat ini harus mengawal operasi Kad Dwi-Jenama tersebut, versi Bahasa Malaysia untuk terma-terma dan syarat-syarat ini akan digunakan.
14. Untuk sebarang maklumbalas dan/atau aduan berkaitan Faedah tersebut, Pemegang Kad boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di alamat dan nombor telefon berikut (ataupun di mana-mana alamat dan nombor telefon sepertimana yang dipinda oleh CIMB secara notifikasi kepada Pemegang Kad):

Customer Resolution Unit (CRU),  
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur,  
50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia.  
Tel:+ 603 6204 7788